

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK DR. HAJI ABD. LATIFF BIN  
HAJI AHMAD**

**KAWASAN : MERSING**

**TARIKH : 11 JUN 2015 (KHAMIS)**

**NO. SOALAN : 74**

YB DATUK DR. HAJI ABD. LATIFF BIN HAJI AHMAD [ MERSING ]  
minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI  
menyatakan sama ada Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) telah  
membantu dalam mengukuhkan perdagangan antrabangsa Malaysia  
dan apakah rancangan Kerajaan dalam memastikan Malaysia sentiasa  
kompeten dalam merundingkan FTA yang akan mensejahterakan  
rakyat.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Sebagai sebuah negara yang mempunyai sistem ekonomi yang terbuka, kita amat bergantung kepada perdagangan antarabangsa. Statistik Bank Dunia menunjukkan bahawa bagi tahun 2014, jumlah perdagangan barangan Malaysia adalah 1.4 kali jumlah KDNK, meletakkan Malaysia sebagai antara negara yang paling banyak bergantung kepada perdagangan antarabangsa, iaitu negara ketiga di belakang Singapura (2.6), Vietnam (1.57), Thailand (1.49) dan Hong Kong (4.2) antara negara-negara Asia. Kita maklum bahawa sumber utama penjana ekonomi negara adalah melalui perdagangan di pasaran terbuka.

Tuan Yang Di Pertua,

Prestasi jumlah perdagangan Malaysia bagi 2014 adalah memberansangkan dengan mencecah RM1.45 trilion, satu peningkatan sebanyak 5.9% berbanding RM1.37 trilion bagi 2013. Bagi 2014, pertumbuhan perdagangan Malaysia di pasaran ASEAN juga mencatat yang besar iaitu sebanyak RM14.54 bilion atau peningkatan sebanyak 3.9%.

Nilai eksport bagi 2014 juga telah melepasi jangkaan pertumbuhan, dengan catatan RM766.13 bilion (6.4%). Import juga telah meningkat sebanyak RM34.32 bilion (5.3%) kepada RM683.02 bilion. Lebih dagangan Malaysia pada 2014 sebanyak RM83.11 bilion merupakan capaian lebih dagangan sejak 17 tahun berturut-turut.

Daripada statistik perjanjian perdagangan bebas yang terawal Malaysia tandatangani iaitu penyertaan Malaysia dalam ASEAN dan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA), perdagangan Malaysia dengan ASEAN telah meningkat lebih dari 7 kali ganda kepada RM375 bilion pada tahun 2013 berbanding RM52.2 bilion pada tahun 1991.

Peningkatan jumlah perdagangan yang direkodkan dengan China menerusi FTA antara ASEAN dan China pada tahun 2005, juga menunjukkan peningkatan tiga kali ganda kepada RM203.2 bilion pada tahun 2013 berbanding RM67.1 bilion pada tahun 2003. Eksport Malaysia ke China juga meningkat lebih dari tiga kali ganda kepada RM97 bilion bagi tahun 2013 berbanding RM25.8 bilion pada tahun 2003.

Berdasarkan angka-angka seperti ini, Kerajaan berpendirian adalah wajar FTA digunakan untuk membuka peluang eksport bagi barangan dan menggalakkan aliran pelaburan bertapak di Malaysia. Peluang-peluang meneroka pasaran baharu melalui FTA dapat memberi jaminan barangan Malaysia mendapat permintaan yang berterusan dan sentiasa dipertingkatkan. Pasaran domestik adalah terhad dengan jumlah penduduk Malaysia seramai 29 juta, berbanding dengan China 1.36 bilion dan Indonesia 237.6 juta.

Tuan Yang Di Pertua,

Keterbukaan ekonomi negara dan tahap kecekapan yang telah kita capai daripada pengalaman mengurus dan mempromosi ekonomi yang berteraskan perdagangan antarabangsa, telah mendapat pengiktirafan beberapa badan antarabangsa dunia, antaranya:

- a) Tempat ke-14 *World Competitiveness Yearbook* oleh *Institute of Management Development*, Switzerland, 2015
- b) Tempat ke-18 *Ease of Doing Business* (Bank Dunia) 2015
- c) Tempat ke-20 *WEF Global Competitiveness Report 2014-2015* (Forum Ekonomi Dunia)

Tuan Yang Di Pertua,

Dalam merunding suatu FTA yang strategik, Kerajaan akan melihat impaknya dari perspektif perdagangan, ekonomi dan sosial. Dalam hal ini, Kerajaan akan memastikan proses konsultasi berterusan dijalankan secara bersepadu diadakan di antara *stakeholders* yang berkaitan, termasuk pembuat dasar, badan berkuasa sebagai pelaksana dasar, industri dan rakyat. Pasukan perunding FTA yang peka dengan dasar-dasar negara masing-masing terlibat secara langsung dengan sesi-sesi konsultasi agar sensitiviti kesemua *stakeholders* didengar dan dipertimbangkan. Kupasan elemen pensejahteraan rakyat tidak akan dipinggirkan sama sekali .